Perutusan sempena Hari Malaysia 16 September 2024
Daripada Presiden Persidangan Uskup-Uskup Katolik Malaysia
Selamat Hari Malaysia!

Malaysia mengadakan Sukan Malaysia (SUKMA) XXI beberapa minggu yang lalu. Upacara perasmian dan penutupan SUKMA mencerminkan perpaduan kita dalam kepelbagaian, yang meraikan perhimpunan pelbagai budaya dan etnik, demi sukan di Malaysia. RTM menyiarkan secara langsung upacara dan acara sukan (menggunakan teknologi digital '5G-Advanced' yang inovatif), untuk membolehkan seluruh negara meraikan bakat dan pencapaian generasi muda rakyat Malaysia.

Upacara SUKMA mengetengahkan perbezaan dengan upacara perasmian Olimpik Paris pada Julai lalu yang dikritik oleh para pemimpin politik dan agama sebagai tidak hormat dan menyinggung perasaan. Sketsa jijik yang mempersenda Perjamuan Akhir karya Leonardo da Vinci sesungguhnya mengkhianati semangat kecemerlangan, hormat menghormati dan persahabatan Olimpik, yang pada asasnya berusaha untuk menggalakkan sukan, budaya dan pendidikan bagi membina dunia yang lebih baik bagi semua umat manusia.

Ramai rakyat Malaysia memuji upacara SUKMA, dan ramai penonton serta warganet yang sependapat: "Hebat Sarawak. SUKMA opening ceremony lebih hebat daripada Olimpik Paris," "Paris harus belajar daripada ini," dan sebagainya. Saya percaya apa yang menambat hati rakyat Malaysia adalah SUKMA meraikan perpaduan dan persahabatan kita, yang memberi penghormatan sewajarnya kepada pelbagai tradisi kebudayaan dan atlet-atlet muda.

Inilah semangat sebenar sebagai rakyat Malaysia - dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung - yang merayakan Hari Malaysia pada 16 September. Biarlah tema **'Malaysia Madani: Jiwa Merdeka'** menjadi satu realiti, yang melambangkan integrasi rakyat Malaysia daripada pelbagai kebudayaan dan etnik.

Ini digambarkan di dalam akronim M.A.D.A.N.I. - dengan setip huruf yang menggambarkan nilai teras yang perlu diamalkan di dalam cara hidup harian kita di Malaysia.

M	ke**M**ampanan
A	kesej**A**hteraan
D	**D**aya cipta
A	horm**A**t
N	keyaki**N**an
I	**I**hsan

Pada dua bulan terakhir, iaitu Julai dan Ogos, Sarawak, Sabah dan Semenanjung telah meraikan tarikh-tarikh pemerintahan sendiri dan kemerdekaan masing-masing. Sempena Hari Malaysia, sebagai warga negara Malaysia, lebih daripada slogan dan kata-kata, marilah kita dengan ikhlas bergandingan tangan dan bekerja untuk membina negara, benar-benr menjadi satu bangsa Malaysia, yang meraikan perpaduan dan kepelbagaian kita, menerima satu sama lain serta menghormati semua agama, kaum dan kebudayaan.

Biarlah "permohonan, doa, syafaat dan kesyukuran dinaikkan bagi semua manusia - bagi raja-raja dan semua yang memegang kuasa, supaya kita hidup aman tenteram, salih dan penuh hormat". (1 Timotius 2:1-2)

Selamat Menyambut Hari Malaysia ke-61

✠ ***Uskup Agung Dr Simon Poh***
Presiden, Persidangan Uskup-Uskup Katolik Malaysia
THE CATHOLIC BISHOPS' CONFERENCE OF MALAYSIA (CBCM)
APC, 5th Floor, No. 5, Jalan Robertson, off Jalan Pudu, 50150 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-2078 5777 Email: exesec@cbcmsb.org Website: cbcmsb.org